



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**KENYATAAN TAWARAN**

Sebut Harga ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred 'G3', Kategori *Civil Engineering* - Pengkhususan CE19 dan CE21 dan Kategori *Mechanical & Electrical* – Pengkhususan M19 yang masih sah dan berkuatkuasa. Sila sertakan salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), tempoh sah lakunya masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup Sebut Harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

**KETERANGAN TAWARAN** : **PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DI KUARTERS GURU SEKOLAH MENENGAH SAINS KUALA SELANGOR, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN**

**NO. SEBUT HARGA** : **NRECC/JPP/KPM/PAKEJ1A/SMSKS/2023-Q3**

**JENIS TAWARAN** : **UNTUK PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DI SELANGOR SAHAJA**

**KOD BIDANG** :

Kod Bidang	Kategori	Pengkhususan	Diskripsi
CE19	Kejuruteraan Awam	Sistem Pembetulan	Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pembaikan apa-apa binaan sistem pembetulan
CE21	Kejuruteraan Awam	Pembinaan Kejuruteraan Awam	Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pembaikan apa-apa binaan Kejuruteraan Awam
M19	Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal	Pemasangan Kelengkapan Loji	Kerja – Kerja Pemasangan Kelengkapan Loji

**TARIKH MULA TAWARAN : 10 JULAI 2023 (ISNIN)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN : 3 OGOS 2023 (KHAMIS)**

**TEMPOH SAH LAKU : 90 HARI**

**LOKALITI :**

**Lokasi**

**Negeri**

**SELANGOR DARUL EHSAN**

Kehadiran pada taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membawa Sijil Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Hanya penama di dalam PPK, SPKK atau Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Perihal	Tarikh/Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
Taklimat dan lawatan tapak <b>PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DI KUARTERS GURU SEKOLAH MENENGAH SAINS KUALA SELANGOR, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN</b>	20 Julai 2023 (Khamis) 2.15 Petang	Bilik Mesyuarat SMS Kuala Selangor/ Pintu Masuk Loji Rawatan Kumbahan Kuarters Institusi Pendidikan SMS Kuala Selangor <i>Latitude</i> <i>3° 19' 21" N</i> <i>Longitude:</i> <i>101° 15' 28" E</i>	En. Kasri bin Abd Ghani  En. Mohd Ikhwan bin Ahmad	1

Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **21 JULAI 2023 (JUMAAT)** hingga **27 JULAI 2023 (KHAMIS)** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya dengan menyertakan Wang Pos/Wang Kiriman/Draf Bank berharga **RM50.00** yang dibuat di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 4** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 3 OGOS 2023 (KHAMIS)**.

Kontraktor atau wakil kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial oleh KKM dan MKN.

## Perincian Taklimat

### 1. PERTANYAAN/PENJELASAN LANJUT

Semua pertanyaan tentang urusan Sebut Harga hendaklah dibuat sama ada secara bertulis, telefon atau faks sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Perancangan Strategik  
Jabatan Perkhidmatan Pembetulan  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Blok B, Aras 2 Dan 3, Suasana PjH  
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 Putrajaya, Malaysia

Telefon : 03-8861 9000

Faks : 03-8861 9010

## **2. HARGA TAWARAN**

Harga yang ditawarkan mestilah dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan sebagai contoh: RM0.12/unit.

## **3. PEMBAYARAN**

Semua pembayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Bayaran sepenuhnya akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari setelah pihak kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.